

BULETIN

BIL. 2

MEI - OGOS 2022

MPAJ

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA



BERBAKTI | BERSIH | BERBUDAYA



Majlis Perbandaran Ampang Jaya - Rasmi



[mp_ampangjaya](#)



[mp_gov.my](#)



[www.mpaj.gov.my](#)



MP Ampang Jaya - Channel




03-4296 8000 Talian Utama / 1-800-22-8100 Talian Bebas Tol Aduan



03-4296 8060

Kandungan

BILANGAN 2 | EDISI 2022 | MEI - OGOS



3 PELANTIKAN PUAN JULIAH BINTI JAMALUDIN SEBAGAI SETIAUSAHA BAHARU MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA.



4 SAMBUTAN MERIAH RUMAH TERBUKA AIDILFITRI MPAJ 1445H / 2022M.

Sidang Redaksi

PENAUNG

Y.Bhg. Tuan Mohd Fauzi
 bin Mohd Yatim SMS
 Yang Dipertua

PENASIHAT

Puan Julaihah bt. Jamaludin AMS
 Setiausaha

KETUA EDITOR

Pn. Rosliza bt. Mohd PPT
 Pengarah Jabatan
 Perancangan Korporat

SIDANG EDITOR

- Pn. Izzati Husna Binti Ismail
- Pn. Siti Mariam bt. Md Dzahir

PEMBANTU PENERBITAN

Pn. Normali bt. Noordin

FOTOGRAFI

En. Muhammad Mustaqim
 Siddiq bin Tahwil Azar



10 MPAJ DIIKTIRAF CEMERLANG 5 BINTANG DALAM ANUGERAH KHAS KESELAMATAN PERLINDUNGAN 2021.



17 MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MPAJ TAHUN 2021.

Hubungi Kami

Talian Utama (Operator)	03 - 4296 8000
Faksimile	03 - 4290 8060
Hotline (24 Jam)	03 - 4296 8100
Talian Bebas Tol Aduan	1 - 800 - 22 - 8100
Pantas (Bencana Alam 24 Jam)	03 - 4280 9050
Kaunter Khidmat Pelanggan • Kaunter Pertanyaan • Kaunter Eksekutif Pelanggan	03 - 4285 7046 03 - 4285 7357
Pejabat Yang Dipertua	03 - 4285 7090
Pejabat Timbalan Yang Dipertua / Setiausaha	03 - 4285 7099
Jabatan Perbendaharaan	03 - 4285 7004
Jabatan Hasil	03 - 4285 7004
Jabatan Perancangan Korporat	03 - 4285 7477
Jabatan Penguatkuasa • Stor • Trafik	03 - 4285 7024 03 - 4285 7025 03 - 4285 7325

Jabatan Belia, Masyarakat & Landskap	03 - 4285 7012
Jabatan Bangunan & Senibina	03 - 4285 7009
Jabatan Perancang Bandar	03 - 4285 7008
Jabatan Kejuruteraan	03 - 4285 7300
Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	03 - 4285 7072
Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Usahawan	03 - 4285 7344
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal & Pembersihan Awam	03 - 4285 7044
Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar	03 - 4285 7007
Jabatan Khidmat Pengurusan	03 - 4285 7037
Jabatan Undang-Undang	03 - 4285 7016
Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)	03 - 4285 7110
Bahagian Pusat Khidmat Setempat (OSC Pembangunan)	03 - 4285 7102
Bahagian Perhubungan Awam & Sekretariat	03 - 4285 7433
Bahagian Ukur Bahan	03 - 4285 7444
Bahagian Audit Dalam	03 - 4285 7188
Bahagian Integriti	03 - 4285 7407

Pelantikan Puan Julaihah binti Jamaludin Sebagai Setiausaha Baharu Majlis Perbandaran Ampang Jaya.

Appointment of Puan Julaihah binti Jamaludin As MPAJ's New Secretary.

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) amat bertuah kerana telah menerima setiausaha yang baharu berkuat kuasa 9 Mei 2022. Sesi penyampaian amanat dan penyerahan surat pelantikan kepada Puan Julaihah binti Jamaludin sebagai Setiausaha di MPAJ telah disempurnakan oleh YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor pada 9 Mei 2022. Sesi Ramah Mesra Bersama Puan Setiausaha Baharu MPAJ telah diadakan pada 10 Mei 2022 di mana ketibaan beliau telah disambut oleh pengarah & ketua bahagian di lobi Menara MPAJ seawal 8.00 pagi. Hari pertama Puan Julaihah dimulakan dengan sesi lapor diri kepada Yang Dipertua MPAJ yang disusuli sesi suai kenal bersama pengurusan tertinggi. Dalam sesi ramah mesra tersebut, Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ turut menzahir ucapan terima kasih kepada Encik Johari bin Atli, Pengarah Jabatan Undang-undang yang telah menanggung kerja Setiausaha MPAJ selama setahun. Turut diadakan sesi penyerahan dokumen 'Myportfolio' daripada Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan kepada Puan Julaihah disaksikan oleh Tuan Yang Dipertua sebagai simbolik penyerahan tugas Setiausaha MPAJ. Majlis Angkat Sumpah Puan Julaihah binti Jamaludin sebagai Timbalan Yang Dipertua telah diadakan pada 23 Mei 2022 di hadapan Tuan Yang Dipertua dan wakil ahli majlis MPAJ.



MPAJ is very lucky to receive a new secretary effective 9 May 2022. Handing over of the appointment letter to Puan Julaihah binti Jamaludin as MPAJ's new secretary was done by YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Selangor State Government Secretary on 9 May 2022. Welcoming ceremony for our new secretary was held on 10 May 2022 where her arrival was greeted by the director and head of division at Menara MPAJ's lobby as early as 8.00 in the morning. The day started with a self-report session with MPAJ's President and followed by a meet-and-greet session with top-level management. During the session, Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President also conveyed his appreciation to Tuan Johari bin Atli, Director of Legal Department who acted as the secretary for one year. A handover session of Myportfolio document was also held by the director of Administration Department to Puan Julaihah which was witnessed by the President himself as a symbol of handing over the task of MPAJ's secretary. The swearing-in ceremony of Puan Julaihah binti Jamaludin as the Deputy President was held on 23 May 2022 in the presence of the President and MPAJ's councillors.

10,000 PENGUNJUNG HADIRI RUMAH TERBUKA AIDILFITRI NEGERI SELANGOR PERINGKAT DAERAH GOMBAK 1445H / 2022M.

10,000 ATTENDED SELANGOR AIDILFITRI OPEN HOUSE 1445H / 2022M FOR GOMBAK DISTRICT LEVEL.

Rumah terbuka Aidilfitri Selangor di Gombak berlangsung meriah dengan kehadiran mencecah 10,000 pengunjung pada 16 Mei 2022. Majlis yang bermula pada pukul 8.00 malam di tapak pasar Ramadan Taman Melawati dihadiri oleh Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari dan isteri, Datin Seri Masdiana Muhamad. Turut hadir ialah YB. Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; YB. Tuan Ng Suee Lim, Speaker Dewan Kerajaan Negeri Selangor; YB. Tuan Ir. Izham bin Hashim, Exco Infrastruktur & Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian & Industri Asas Tani Negeri Selangor; YAD. Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Haji Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak; Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ); Puan Nor Azlina binti Abdul Aziz, Pegawai Daerah Gombak; Tuan Mohd Yazid bin Sairi, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang (MPS) bersama ketua-ketua jabatan di peringkat negeri dan daerah Gombak.

Selangor Aidilfitri Open House at Gombak took place with an attendance of 10,000 visitors on 16 May 2022. The open house which started at 8.00 pm at tapak pasar Ramadan Taman Melawati was attended by Selangor Chief Minister, Dato' Seri Amirudin Shari and his wife, Datin Seri Masdiana Muhamad. Also present was YB. Dato' Haji Haris bin Kasim, Selangor State Secretary; YB. Tuan Ng Suee Lim, Speaker of the Selangor State Government Assembly; YB. Tuan Ir. Izham bin Hashim, Selangor State Exco for Infrastructure & Public Facilities, Agriculture Modernization & Agro-based Industry; YAD. Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj. Wan Mahmood bin Pa'wan Teh, Orang Besar Daerah Gombak; Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President; Pn Nor Azlina binti Abdul Aziz, Gombak District Officer; Tn Mohd Yazid bin Sairi, MP Selayang's President and all state and district level head of departments.



Sebanyak 13 gerai dengan juadah yang menyelerakan telah disediakan oleh pelbagai agensi di peringkat daerah Gombak. YAB Dato Menteri Besar turut menyampaikan duit raya kepada kanak-kanak yang hadir dan menyampaikan hadiah kepada agensi yang menerima anugerah khas sempena sambutan kali ini. Anugerah Gerai Tercantik dimenangi oleh gerai kambing golek MPAJ manakala Anugerah Gerai Terbersih jatuh kepada Perbadan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor. MPS pula memenangi anugerah Pakaian Sedondon.

A total of 13 food stalls were served by various agencies at Gombak district level. Selangor Chief Minister also presented 'duit raya' to the children and presented gifts to the agencies that received special awards in conjunction with this celebration. The Most Beautiful Stall Award was won by MPAJ while the Cleanest Stall Award went to Selangor State Agricultural Development Corporation. MP Selayang won the Sedondon Clothing award.



Sambutan Meriah Rumah Terbuka Aidilfitri MPAJ 1445h / 2022m.

MPAJ's AIDILFITRI OPEN HOUSE CELEBRATION 1445H / 2022M.

Sambutan luar jangka apabila seramai 6,000 orang pengunjung hadir ke Rumah Terbuka Aidilfitri Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) 2022 pada 20 Mei 2022 bertempat di dataran Menara MPAJ. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ menzahirkan ucapan terima kasih kepada semua tetamu yang hadir. Turut serta meraikan tetamu ialah Puan Julaihah binti Jamaludin, Setiausaha MPAJ bersama pengarah dan ketua bahagian. Edaran sumbangan duit raya kepada 350 kanak-kanak yang hadir oleh Tuan Yang Dipertua MPAJ dan Puan Setiausaha turut diadakan. Bagi menghargai dan memeriahkan majlis rumah terbuka tersebut, MPAJ turut menganjurkan sesi cabutan bertuah, hadiah pakaian tercantik, gerai tercantik dan kakitangan 'sporting' di kalangan warga kerjanya. Inisiatif ini telah memberi suntikan semangat buat semua kakitangan MPAJ untuk membuat persiapan rapi menyedia dan menghias gerai masing-masing serta mengenakan busana-busana yang indah pada malam tersebut. Tema sambutan pada malam tersebut adalah 'Nostalgia dan Gemerlapan'.

A total of 6,000 visitors attended the MPAJ's Aidilfitri Open House on 20 May 2022 at the Menara MPAJ's square. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, President of MPAJ expressed his gratitude to all guests present. Also celebrating the guests were Puan Julaihah binti Jamaludin, MPAJ's Secretary with internal directors & head of division. Duit Raya donations to 350 children were distributed by MPAJ's President and Secretary. To appreciate and enliven the open house, MPAJ also organized a lucky draw session, the most beautiful clothes, the most beautiful stalls and sporting staff awards among its employees. This initiative has encouraged all MPAJ staff to make preparation and decorate their respective stalls as well as wear beautiful clothes. The Aidilfitri open house theme was 'Memories and glitter'.

Anugerah / Award	Pemenang / Winner	Konsep / Concept
Johan Gerai Tercantik / 1 st place Best Stall Decoration	Jabatan Perancangan Korporat / Corporate Planning Department	Nostalgia Tan Sri P. Ramlee (hiasan mesra alam menggunakan barang-barang kitar semula). / Memory of P.Ramlee (eco-friendly decoration using recycle items)
Naib Johan Gerai Tercantik / 2 nd place Best Stall Decoration	Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan / Licensing & Entrepreneurial Development Department	Nostalgia Puteri Gunung Ledang (hiasan Kesultanan Melayu Melaka). / Legend of Puteri Gunung Ledang (old Malacca Palace decoration)
Tempat ke-3 Gerai Tercantik / 3 rd place Best Stall Decoration	Jabatan Kejuruteraan / Engineering Department	Perkampungan Nelayan (hiasan sampan dan kelengkapan nelayan). / Fisherman's Village (fishing boat and related equipment)
Pakaian Pengarah Lelaki Tercantik / Male best costume for head of department	Encik Muhammad Rosizhar bin Abdul Rahim (COB)	Persalinan songket melayu tradisional / Traditional Malay songket.
Pakaian Pengarah Wanita Tercantik / Female best costume for head of department	Puan Marlina binti Mohamad (PPU)	Persalinan tradisional Puteri Gunung Ledang / Traditional Puteri Gubung Ledang.
Pakaian Tercantik Lelaki / Best Male Costume	Encik Megat Muhammad Shahdina Omar bin Suliman (PC)	Persalinan karakter P.Ramlee dalam filem 3 Abdul. / P.Ramlee character in 3 Abdul film.
Pakaian Tercantik Wanita / Best Female Costume	Puan Zailani Bt Rejab (KEJ)	Persalinan tradisional wanita di perkampungan nelayan. / Traditional woman outfit at fisherman's village.
Kakitangan Lelaki 'Sporting' / Sporting Male Staff	Encik Rafizan bin Suri (KHP)	Melayu tradisional. / Traditional malay.
Kakitangan Wanita 'Sporting' / Sporting Female Staff	Puan Arnida binti Said (KHP)	Melayu tradisional. / Traditional malay.





PEMBUKAAN AUDIT PERKHIDMATAN SEWAAN KAMERA TANPA WAYAR (CCTV) MILIK KPKT. KPKT'S CCTV RENTAL SERVICES ENTRANCE CONFERENCE.

Pada 25 Mei 2022 telah berlangsung pembukaan auditan perkhidmatan sewaan kamera tanpa wayar (CCTV) di Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) oleh Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT). Sesi pembukaan telah dipengerusikan oleh Puan Rosliza binti Mohd, Pengarah Jabatan Perancangan Korporat MPAJ. Auditan yang berlangsung selama 3 hari ini diketuai oleh Encik Ya'akub bin Othman dan dibantu dua lagi panel iaitu Encik Shahrizal bin Osman dan Puan Farah Izyani binti Ibrahim daripada Jabatan Kerajaan Tempatan KPKT. Semakan audit meliputi pusat kawalan CCTV Menara MPAJ, pusat kawalan CCTV Ibu Pejabat Polis (IPD) Ampang Jaya dan dua puluh empat (24) lokasi kamera CCTV di sekitar kawasan pentadbiran MPAJ.



An entrance conference was held on 25 May 2022 for the audit of Local Government and Housing Ministry's CCTV rental services. The entrance conference was chaired by Puan Rosliza binti Mohd, MPAJ's Director of the Corporate Planning Department. The audit that was held for 3 days was led by Encik Ya'akub bin Othman and assisted by 2 other panels that were Encik Shahrizal bin Osman and Puan Farah Izyani binti Ibrahim from Local Government Department, Local Government and Housing Ministry (KPKT). The audit process covered Menara MPAJ's control room, Ampang Jaya Police Headquarters' control room and 24 CCTV locations in MPAJ's administration area.





PERASMIAN KEMPEN **BASMI TIKUS** 2022

**THE LAUNCHING OF RAT
 EXTERMINATION CAMPAIGN
 2022.**

Telah berlangsung majlis perasmian Kempen Basmi Tikus 2022 pada 28 Mei 2022 sempena Kempen Kesihatan Persekitaran di kawasan pihak berkuasa tempatan (PBT) oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Majlis telah dirasmikan oleh Tuan Ooi Poh Keong, Pengarah Bahagian Perunding Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kerajaan Tempatan, KPKT. Turut serta Puan Julaihah binti Jamaluddin, Setiausaha MPAJ; Tuan K. Thanabal a/I Krishnan, ahli majlis jawatankuasa penduduk (JKP) zon 16; Encik Ghazali bin Abd Wahab, Pengarah Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar MPAJ; serta penduduk setempat. Simbolik penyerahan perangkap tikus kepada penduduk setempat telah dilaksanakan bagi menggalakkan penduduk membasmi tikus. Turut diadakan pemantauan di sekitar Pasar MPAJ Pandan Jaya bagi meninjau lokasi pemasangan perangkap tikus.

Kempen ini berlangsung sepanjang tempoh 28 Mei 2022 sehingga 23 Julai 2022. Tikus yang ditangkap dibayar RM3 seekor. Warga Ampang Jaya diingatkan supaya mengambil tindakan pencegahan tikus kerana penyakit leptospirosis yang berpunca daripada kencing tikus boleh membawa maut. Leptospirosis juga boleh dijumpai pada air kencing haiwan peliharaan seperti kucing dan anjing serta haiwan lain seperti lembu dan haiwan liar.



The launching ceremony of Rat Extermination Campaign 2022 was held on 28 May 2022 in conjunction with the Environmental Health Campaign by the Ministry of Housing and Local Government in the local authority areas. The ceremony was officiated by Tuan Ooi Poh Keong, Director of the Environmental Health Consultancy Division, Local Government Department, Ministry of Housing and Local Government (KPKT). Also present were Puan Julaihah binti Jamaluddin, MPAJ's Secretary; Tuan K. Thanabal a/I Krishnan, JKP Zone 16 councillor; Encik Ghazali bin Abd Wahab, Director of Health and Environment Department of MPAJ; as well as local residents. The symbolic handing over of rat traps was implemented to encourage residents to eradicate rats. Monitoring was also held around MPAJ Pandan Jaya Market to review the location of rat traps installation.



This campaign was held from 28 May 2022 until 23 July 2022. Each rat was paid RM3. Residents of Ampang Jaya are reminded to take precautionary measures against rats because leptospirosis caused by rats' urine can be fatal. Leptospirosis can also be found in the urine of pets such as cats and dogs as well as other animals such as cattle and wild animals.

PERASMIAN PROGRAM PUBLISITI & PENYERTAAN AWAM

BAGI DRAF RANCANGAN TEMPATAN MPAJ 2035 (PENGANTIAN).

THE LAUNCHING CEREMONY OF PUBLICITY AND PUBLIC PARTICIPATION PROGRAM FOR MPAJ'S LOCAL PLAN DRAFT 2035 (REPLACEMENT).

YB. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, Pengerusi Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Agama Islam, Hal Ehwal Pengguna dan Industri Halal telah hadir ke Auditorium Menara MPAJ pada 30 Mei 2022 bagi merasmikan program publisiti dan penyertaan awam bagi draf Rancangan Tempatan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) 2035 (Penggantian). Turut hadir ialah Puan Julaihah binti Jamaluddin, Setiausaha MPAJ bersama TPr. Puan Zuraina binti Said, Pengarah Jabatan Perancang Bandar MPAJ; ahli majlis; pengarah jabatan; wakil agensi kerajaan; pihak perunding kajian iaitu Rekarancang Sdn. Bhd.; serta rakan strategik media MPAJ.

Rancangan Tempatan (RT) merupakan sebuah dokumen perundangan yang menjadi rujukan penting dalam memandu arah perancangan guna tanah di kawasan pentadbiran MPAJ yang berkeluasan 14,350 hektar. RT MPAJ 2020 telah diwartakan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) buat pertama kalinya pada 26 Mei 2011 sehinggalah kali terakhir diwartakan pada 21 Januari 2016 bagi RT MPAJ 2020 (Penggantian 2). Susulan itu, kajian Rancangan Tempatan MPAJ 2035 (Penggantian) kini dilaksanakan sebagai kesinambungan daripada Rancangan Tempatan MPAJ 2020.



YB. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, Selangor Exco for Islamic Religious Affairs, Consumer Affairs and Halal Industry was present at MPAJ's Auditorium on 30 May 2022 for the launching ceremony of publicity and public participation program for MPAJ's local plan draft 2035 (replacement). Also present were Puan Julaihah binti Jamaluddin, MPAJ's secretary; TPr. Puan Zuraina bt Said, MPAJ's Town Planning Director; MPAJ's councillors; head of departments; government officials; Rekarancang Sdn. Bhd. as the consultant company; and MPAJ's media strategic partners.

Local Plan (RT) is a legal document that is important as a reference in guiding land use planning in the MPAJ administrative area which covers an area of 14,350 hectares. RT MPAJ 2020 was gazetted by the State Executive Council (MMKN) for the first time on 26 May 2011 until the last time it was gazetted on 21 January 2016 for RTMPAJ 2020 (Amendment 2). Thus, the study of MPAJ Local Plan (Replacement) 2035 is now being implemented as a continuation of the MPAJ 2020 Local Plan.

- a. Persekitaran kehidupan yang kondusif seperti selamat & selesa;
 - b. Pemeliharaan kawasan hutan dan sumber semula jadi;
 - c. Pembangunan kawasan berasaskan transit atau TOD;
 - d. Kawalan pencegahan terhadap risiko bencana alam;
 - e. Penyediaan kemudahan awam yang mencukupi & selesa;
 - f. Pembangunan semula di kawasan terbengkalai; dan
 - g. Memperkuhkan bandar berdaya saing dan berdaya tahan.
-
- a. Conducive living environment such as safe & comfortable;
 - b. Conservation of forest areas & natural resources;
 - c. Development of transit-based areas or TOD;
 - d. Preventive control against the risk of natural disasters;
 - e. Provision of adequate & comfortable public facilities;
 - f. Redevelopment in abandoned areas; as well as
 - f. Strengthen a competitive & resilient city.



TAKLIMAT PELAN PENGURUSAN ANTI RASUAH ORGANISASI (OACP).

Sebagai persiapan ke arah pensijilan MS ISO 37001:2017 Sistem Pengurusan Anti Rasuah, taklimat Pelan Pengurusan Anti Rasuah Organisasi (OACP) telah diadakan pada 2 hingga 3 Jun 2020 bertempat di Hotel Grand Barakah, Ampang. Program ini telah dianjurkan oleh Bahagian Integriti MPAJ yang diketuai oleh Puan Azfalinda binti Mohd Amin. Taklimat telah disampaikan oleh Tuan Ppj. Azuan bin Adzhar, Ketua Unit Pemeriksaan dan Perundingan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor. OACP MPAJ dirangka dengan visi “Membentuk warga MPAJ yang berintegriti dan bebas rasuah” manakala misi adalah “Memperkuhkan governans, integriti dan anti rasuah warga MPAJ melalui pematuhan terhadap akta, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa” berdasarkan tiga (3) bidang keutamaan iaitu penguatkuasaan & pelesenan, perolehan & pentadbiran & pengurusan. Sesi taklimat bukan sahaja dihadiri oleh kakitangan MPAJ namun turut disertai oleh pengurusan tertinggi MPAJ termasuk Yang Dipertua dan Setiausaha.



BRIEFING ON ORGANISATIONAL ANTI-CORRUPTION PLAN (OACP).



As part of preparation for certification of MS ISO 37001:2017 Anti-bribery Management System (ABMS), a briefing on Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) was held from 2 until 3 June 2020 at Hotel Grand Barakah, Ampang. This program was hosted by MPAJ’s Integrity Division led by Puan Azfalinda binti Mohd Amin. The presentation was done by Tuan Ppj. Azuan bin Adzhar, Selangor SPRM’s Head of Inspection and Consultation Unit. OACP MPAJ was drafted with the vision of “Forming MPAJ citizens with integrity and free from corruption” while the mission is “Strengthening governance, integrity and anti-corruption of MPAJ citizens through compliance with acts, regulations and directives in force” based on 3 priority areas namely enforcement & licensing, procurement & administration & management. The briefing session was not only attended by MPAJ staff but also attended by MPAJ top-level management including the President and Secretary.



MPAJ Diiktiraf Cemerlang 5 Bintang Dalam Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan 2021.



Tarikh 9 Jun 2022 mencatatkan sejarah gemilang apabila Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menerima sijil Anugerah Khas Keselamatan Perlindungan tahun 2021 bertaraf cemerlang 5 bintang dengan markah 97% dalam Majlis Konvensyen Keselamatan Perlindungan Peringkat Kebangsaan Tahun 2022. Sijil telah disampaikan oleh YBhg Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Ketua Setiausaha Negara bertempat di Dewan Damar Sari, Putrajaya. Hanya 2 PBT Selangor yang dinilai 'cemerlang' iaitu MPAJ dan MBPJ. Secara keseluruhannya, sebanyak 79 agensi dikategorikan sebagai cemerlang berbanding 154 agensi yang dinilai pada tahun 2021. 52 agensi dikategorikan sebagai baik; 13 memuaskan; dan 10 tidak memuaskan.

Sesi auditan telah dilaksanakan secara dalam talian pada 7 Oktober 2021 oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia di mana ia melibatkan semakan ke atas empat komponen utama iaitu (1) komitmen pengurusan; (2) keselamatan fizikal; (3) keselamatan dokumen; dan (4) keselamatan peribadi.



MPAJ CERTIFIED 5-STAR EXCELLENT AWARD IN THE 2021 PROTECTION SECURITY SPECIAL AWARD.

History was made on 9 June 2022 when MPAJ received a 5-star excellent award for Special Security Award with a score of 97% in the National Protection Security Convention 2022. The certificate was presented by YBhg Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki bin Ali, Chief Secretary to the Government of Malaysia at Dewan Damar Sari, Putrajaya. Only 2 local councils in Selangor were rated 'excellent', namely MPAJ and MBPJ. As overall, 79 agencies were categorized as excellent out of 154 agencies that were evaluated in 2021. 52 agencies were categorized as good; 13 as satisfactory; and 10 as unsatisfactory.

The audit session was carried out online on 7 October 2021 by the Chief Security Officer's Office of the Government of Malaysia where it involved a review of four main components, namely (1) management commitment; (2) physical security; (3) document security; and (4) personal safety.



PROGRAM TURUN PADANG KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN.



Lawatan Turun Padang (TUPA) YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida binti Jaafar, Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan ke lokasi projek 'River of Life' (ROL), 'Waste Water Treatment Plan' (WWTP) Pasar MPAJ Pekan Ampang telah berlangsung pada 9 Jun 2022. Program 'River of Life' (ROL) merupakan Program Transformasi Ekonomi Kerajaan Malaysia (NKEA) bertujuan untuk mentransformasikan

Sungai Klang menjadi sungai ikon bagi Bandaraya Kuala Lumpur secara tidak langsung memberi nilai ekonomi yang tinggi kepada negara. Projek WWTP ini turut melibatkan 3 lagi buah pasar iaitu Pasar Pandan Jaya, Pasar Tasek Tambahan dan Pasar Pekan Ampang. Hadir sama memeriahkan program adalah Puan Julaihah binti Jamaludin, Setiausaha Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), pegawai Kementerian Wilayah

Persekutuan, ahli majlis, pengarah / Ketua Bahagian, pegawai dan kakitangan MPAJ, perunding projek, serta persatuan peniaga Pasar Pekan Ampang. Majlis turut diserikan dengan simbolik penyerahan projek siap antara Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan dan Puan Setiausaha MPAJ.

SITE VISIT BY MINISTRY OF FEDERAL TERRITORIES' SECRETARY GENERAL.

Site visit by YBhg. Datuk Seri Hajah Rosida binti Jaafar, Secretary General of the Federal Territories Ministry was held on 9 June 2022 at the River of Life (ROL) project that was the Waste Water Treatment Plan (WWTP) at Pasar MPAJ Pekan Ampang. The River of Life (ROL) program is a Malaysian Government Economy Transformation that aims to transform the Klang River into an iconic

river for the City of Kuala Lumpur indirectly giving high economic value to the country. The WWTP project also involved 3 other markets that are Pasar Pandan Jaya, Pasar Tasek Tambahan and Pasar Pekan Ampang. Also present were Puan Julaihah binti Jamaludin, MPAJ's Secretary; officers from Ministry of Federal Territories; MPAJ's councillors, head of departments; project consultant and Pasar Pekan Ampang

business association. There was also a symbolic handing over of the completed project between the Secretary General of Ministry of Federal Territories and MPAJ's



JELAJAH SELANGOR PENYAYANG DAERAH HULU LANGAT

'JELAJAH SELANGOR PENYAYANG' FOR HULU LANGAT DISTRICT.

Rata-rata pengunjung memuji penganjuran program Jelajah Selangor Penyayang yang berlangsung di Padang MPAJ Taman Kosas pada 19 Jun 2022 yang disifatkan bermaklumat dan sarat dengan pelbagai aktiviti menarik. Jelajah yang membuka tirai di daerah Hulu Langat bagi mempromosi pelbagai inisiatif kebajikan rakyat turut melibatkan penyertaan 23 anak syarikat Kerajaan Negeri. Inisiatif itu dijayakan menerusi peruntukan RM350 juta di bawah Iltizam Selangor Penyayang yang menggantikan Inisiatif Peduli Rakyat supaya lebih ramai penduduk memperoleh manfaat disediakan Kerajaan Negeri. Antaranya Bantuan Kehidupan Sejahtera Selangor (Bingkas), menggantikan Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) membantu hingga 30,000 keluarga berbanding 25,000 keluarga sebelum ini. Turut dilaksana, program Selangor Saring untuk mengesan penyakit kronik dengan perbelanjaan RM1.5 juta yang memanfaatkan 5,000 orang terutama golongan berisiko.

Program Jelajah Selangor Penyayang Peringkat Daerah Hulu Langat di Padang Taman Kosas, Ampang telah dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato' Menteri Besar Selangor. Turut hadir YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; YB Tuan Dr. Ahmad Fadzi bin Ahmad Tajuddin, Pegawai Kewangan Negeri Selangor; YB Puan Rodziah bt Ismail, Exco Perumahan, Kesejahteraan Bandar & Pembangunan Keusahawanan; Ahli-ahli Majlis Mesyuarat

Kerajaan Negeri Selangor; Ahli Dewan Negeri & Parlimen; Yang Berusaha Dr. Ani binti Ahmad, Pegawai Daerah Hulu Langat; Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ); Tuan Haji Najmuddin bin Jemain, Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ); YDH Tuan Abdul Jalil bin Dato' Abd Rani, Dato' Orang Kaya To' Engku Maha Bijaya Hulu Langat; serta ketua-ketua jabatan negeri dan daerah. Majlis diserikan dengan



beberapa penyerahan seperti Skim Sewa Milik Selangor, Skim 'Smart' Sewa, surat tawaran pembeli rumah Selangorku, sumbangan aset ICT dan penyerahan Kempen FPX 'Smart Selangor Citizen E-Payment'. Turut diadakan kejutan sambutan empat (4) tahun pentadbiran Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari sebagai Dato' Menteri Besar Selangor.



Most visitors praised the organization of the 'Jelajah Selangor Penyayang' program which took place at Padang MPAJ Taman Kosas on 19 June 2022 and was described as informative and full of various interesting activities. The tour that kick starts in Hulu Langat district aimed to promote various initiatives for the welfare of the people involving 23 state government subsidiaries. The initiative was made possible through the allocation of RM350 million under the Itizam Selangor Penyayang which replaces the Peduli Rakyat Initiative so that more residents can benefit from the benefits provided by the State Government. Among the programs is Bantuan Kehidupan Sejahtera Sejahtera (Bingkas) replacing Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) which helps up to 30,000 families compared to 25,000 families before. Also implemented, is the Selangor Saring program to detect chronic diseases with an expenditure of RM1.5 million benefiting 5,000 people, especially those at risk.



'Jelajah Selangor Penyayang' program for Hulu Langat district held at Padang Taman Kosas, Ampang was officiated by Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Selangor Chief Minister. Also present were YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Selangor State Chief Secretary; YB Tuan Dr. Ahmad Fadzli bin Ahmad Tajuddin, Selangor State Finance Officer; YB Puan Rodziah bt Ismail, Exco of Housing, Urban Wellbeing & Entrepreneurial Development; Members of the Selangor State Government Council; Members of State Assembly & Parliament; Yang Berusaha Dr. Ani binti Ahmad, Hulu Langat District Officer; Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Ampang Jaya Municipal Council's President; Tuan Haji

Najmuddin bin Jemain, Kajang Municipal Council's President; YDH Tuan Abdul Jalil bin Dato' Abd Rani, Dato' Orang Kaya To' Engku Maha Bijaya Hulu Langat; and Heads of State & District Departments. A few handing-over ceremonies were held such as 'Skim Sewa Milik Selangor', 'Skim Smart Sewa', offer letters for Selangorku buyers, ICT asset contribution, and FPX Smart Selangor Citizen E-Payment campaign. There was also a surprise celebration of the 4-year administration of Dato' Seri Amirudin bin Shari as Selangor Chief Minister.



KEJOHANAN RAGBI 10S PIALA YANG DIPERTUA MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ) 2022.

MPAJ PRESIDENT'S 10s RUGBY TROPHY TOURNAMENT 2022.

Pada 18 dan 19 Jun 2022 telah berlangsung Kejuhanan Ragbi 10s Piala Yang Dipertua Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) 2022 sempena ulang tahun penubuhan MPAJ ke-30. Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ. Hadir sama adalah Tuan Mohamed Radziff bin Hasan, ahli majlis zon 1; dan Encik Khairilazhar bin Ismail, Pengarah Jabatan Belia, Masyarakat dan Landskap MPAJ. Sebanyak enam belas (16) kumpulan telah mengambil bahagian dalam pertandingan ini.



MPAJ's President's 10s Rugby Trophy Tournament was held on 18 and 19 June 2022 in conjunction with our 30th anniversary. The prize-giving ceremony was presented by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President. Also present were Tuan Mohamed Radziff bin Hasan, zone 1 councillor; and Encik Khairilazhar bin Ismail, MPAJ's Director of Youth, Community & Landscape Department. 16 teams participated in this tournament.



Kategori Terbuka / Open Category

Sub kategori / Subcategory : Cup

Johan / 1st place : MPAJ Warriors
 Naib johan / 2nd place : Kellys Rugby
 Tempat ke-3 / 3rd place : Sajoha Viking
 Tempat ke-4 / 4th place : Subang Black

Sub kategori / Subcategory : Plate

Johan / 1st place : Opa
 Naib johan / 2nd place : Pandan Mewah

Sub kategori / Subcategory : Bowl

Johan / 1st place : UPNM Smookies
 Naib johan / 2nd place : UM Blues

Sub kategori / Subcategory : Shield

Johan / 1st place : Rhinoceros Warrior
 Naib johan / 2nd place : X-Rhinoruckers



**YASIN RECITATION IN
 CONJUNCTION WITH
 30TH ANNIVERSARY
 OF MPAJ.**

**MAJLIS BACAAN YASIN PERDANA
 SEMPENA SAMBUTAN
 ULANG TAHUN KE-30 MAJLIS
 PERBANDARAN AMPANG JAYA.**

Yasin recitation, tahlil, tazkirah and Isya' prayers was held at Al-Azim Mosque, Pandan Indah on 1 July 2022 in conjunction with MPAJ's 30th Anniversary Celebration. MPAJ was represented by Puan Julaihah bt Jamaludin, MPAJ's Secretary along with directors, officers and staff as well as Ampang Jaya citizens. The ceremony also included an online speech by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President live from Olkusz, Poland. Our president was attending the World Urban Forum 2022 with delegations from Selangor and Malaysia.

Majlis Bacaan Yasin Perdana, tahlil, tazkirah dan solat isyak berjemaah sempena sambutan ulang tahun penubuhan MPAJ ke-30 telah diadakan di Masjid Al-Azim, Pandan Indah pada 1 Julai 2022. MPAJ diwakili oleh Puan Julaihah bt Jamaludin, Setiausaha MPAJ bersama barisan pengarah, pegawai dan kakitangan MPAJ serta warga Ampang Jaya. Majlis diserikan lagi dengan ucapan secara langsung Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ dari Olkusz, Poland. Yang Dipertua pada ketika itu sedang menghadiri 'World Urban Forum 2022' bersama delegasi daripada Selangor dan Malaysia.





2,000 PENYERTAAN LARIAN MALAM AMPANG JAYA 2022.

2,000 PARTICIPATIONS FOR THE AMPANG JAYA NIGHT RUN 2022.

Terima kasih kepada 2,000 peserta yang menyertai dan memeriahkan program Larian Malam Ampang Jaya pada 2 Julai 2022. Pelepasan peserta telah disempurnakan oleh YB Tuan Haji Saari bin Sungib, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Hulu Kelang bersama Puan Julaihah binti Jamaludin, Setiausaha MPAJ; SUPT. Mohd Azam bin Ismail, Timbalan Ketua Polis Daerah Ampang Jaya; dan Encik Ahmad Ashraf bin Asnan, Ketua Pembangunan dan Perancangan Hartanah MBI Selangor. Terima kasih kepada barisan penaja terdiri daripada Melawati Mall Management, IJM Land, Sime Darby Property, Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. (PROLINTAS), F & N Beverage Marketing Sdn. Bhd, Synteq Medical Sdn. Bhd serta N8 Sports Nutrition. Larian Malam Ampang Jaya 2022 ini diadakan sempena Ulang Tahun Penubuhan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Ke-30. Program ini merupakan penganjuran tahun ke-5 selepas 2 tahun tidak dapat dilaksanakan kesan pandemik Covid-19. Sebahagian laluan larian ini adalah berhampiran dengan Permatang Kuarza yang dicalonkan sebagai Geopark Kebangsaan yang telah dinilai pada 15 hingga 18 Ogos 2022.

MPAJ would like to convey our appreciation to the 2,000 participants who participated in the Ampang Jaya Night Run on 2 July 2022. Flag-off for participants was officiated by YB Tuan Haji Saari bin Sungib, Hulu Kelang Assemblyman together with Puan Julaihah binti Jamaludin, MPAJ's Secretary; SUPT. Mohd Azam bin Ismail, Ampang Jaya Deputy Chief District Police; and Encik Ahmad Ashraf bin Asnan, MBI Selangor's Head of Property Planning & Development. Appreciation also goes to all sponsorship that are Melawati Mall Management, IJM Land, Sime Darby Property, Projek Lintasan Kota Holdings Sdn. Bhd. (PROLINTAS), F & N Beverage Marketing Sdn. Bhd, Synteq Medical Sdn. Bhd and N8 Sports Nutrition. Ampang Jaya Night Run 2022 was held in collaboration with MPAJ's 30th-anniversary celebration. This program was our 5th hosting after 2 years of pandemic. Part of the running path is near Quartz Ridge which was nominated for National Geopark that was evaluated from 15 until 18 August 2022.





Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Tahun 2021 telah berlangsung pada 5 Julai 2022 di Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM, MINDEF. YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Dato Menteri Besar Selangor telah hadir dan merasmikan majlis gilang gemilang ini setelah 2 tahun tidak diadakan ekoran pandemik Covid-19. YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor; YB Tuan Ng Sze Han, Exco Kerajaan Tempatan, Pengangkutan Awam dan Pembangunan Kampung Baru; serta YB Tuan Hj. Saari bin Sungib, ADUN Hulu Kelang turut hadir meraikan penerima anugerah cemerlang. Puan Julaihah binti Jamaludin, Setiausaha MPAJ telah mewakili Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim menyampaikan ucapan aluan kerana Tuan YANG DIPERTUA MPAJ sedang melalui tempoh kuarantin. Majlis turut diserikan dengan simbolik sambutan ulang tahun penubuhan MPAJ ke-30, persembahan artis dan cabutan bertuah yang telah diselenggarakan oleh Kelab Sukan, Kebajikan dan Kebudayaan (KESUKE) MPAJ.

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MPAJ Tahun 2021.

MPAJ'S EXCELLENT SERVICE AWARD CEREMONY 2021.



MPAJ's Excellent Service Award Ceremony 2021 took place on 5 July 2022 at Dewan Perkasa, Wisma Perwira ATM, MINDEF. YAB Dato' Seri Amirudin bin Shari, Selangor Chief Minister was present and officiated this glorious event after 2 years of not being held due to the Covid-19 pandemic. YB Dato' Haji Haris bin Kasim, Selangor State Government Secretary; YB Tuan Ng Sze Han, Local Government, Public Transport and New Village Development Exco; and YB Saari bin Sungib, Hulu Kelang assemblyman was also present to celebrate the recipients of the outstanding award. Puan Julaihah binti Jamaludin, MPAJ's Secretary representing Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim delivered a welcome speech since MPAJ's President was under quarantine. There was also a symbolic celebration of MPAJ's 30th anniversary, artist performances and a lucky draw coordinated by MPAJ's Sports, Welfare and Culture Club (KESUKE).



KEJOHANAN CABARAN XCO TREK BASIKAL MPAJ AU2 TAMAN KERAMAT.

Pada 16 Julai 2022 telah berlangsung Kejohanan Cabaran Xco Trek Basikal MPAJ AU2 Taman Keramat sempena Ulang Tahun Penubuhan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) ke-30. Majlis dirasmikan oleh Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ dan turut disertai oleh Encik Khairilazhar bin Ismail, Pengarah Jabatan Belia, Masyarakat dan Landskap. Pembangunan sukan berbasikal lasak di peringkat MPAJ telah bermula sejak tahun 2012 dengan usahasama Fun D Cycle. MPAJ telah membenarkan penggunaan sebahagian kawasan lapang AU2 yang dikenali sebagai Trek MPAJ AU2 ini sebagai lokasi klinik latihan bersepadu bagi melahirkan bakat-bakat baharu dalam kalangan warga Ampang Jaya. MPAJ telah memperuntukkan sebanyak RM12,000 setahun bagi tujuan pengurusan klinik latihan basikal lasak di lokasi ini.

Terdapat tujuh (7) kategori dipertandingan iaitu kategori lelaki bawah 16 tahun; kategori lelaki 35-45 tahun ('Master A'); kategori 'Fatbike'; kategori lelaki 45 tahun ke atas ('Master B'); kategori lelaki SUKMA; kategori wanita terbuka; dan kategori lelaki terbuka. MPAJ menyediakan hadiah keseluruhan berjumlah RM5,600.00.



XCO CHAMPIONSHIP @ MPAJ'S AU2 TAMAN KERAMAT BICYCLE TRACK.



On 16 July 2022, the XCO Championship challenge took place at MPAJ's Taman Keramat AU2 Bicycle Track in conjunction with MPAJ's 30th Anniversary. The championship was officiated by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President and also joined by Encik Khairilazhar bin Ismail, Director of Youth, Community and Landscape Department. The development of endurance cycling at MPAJ was started in 2012 with the Fun D Cycle joint venture. MPAJ has allowed the usage of part of AU2's open area known as the MPAJ's AU2 Bicycle Track as the location for an integrated training clinic to produce new talents among the citizens of Ampang Jaya. MPAJ allocated an amount of RM12,000 per year for the purpose of managing the endurance bike training clinic at this location.

There were 7 categories contested that were under the 16-year old category; men 35-45 years old (Master A); Fatbike category; men 45-year old and above (Master B); SUKMA's man category; open women's category; and open men's category. MPAJ provides a total prize amounting to RM5,600.00.



MPAJ TELAH MELANCARKAN PELAN PENGURUSAN ANTIRASUAH ORGANISASI. **MPAJ HAS LAUNCHED THE ORGANIZATIONAL ANTI-CORRUPTION MANAGEMENT PLAN.**

Komited dengan usaha memerangi gejala rasuah di kalangan warga kerjanya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah menganjurkan Majlis Pelancaran Pelan Pengurusan Antirasuah Organisasi pada 21 Julai 2022. Majlis telah disempurnakan oleh Tuan PKPJ Ridzuan bin Malik, Penolong Kanan Pesuruhjaya, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Negeri Selangor. Majlis yang dihadiri oleh hampir 400 orang warga kerja MPAJ itu turut dihadiri oleh Puan Julaihah binti Jamaluddin, Setiausaha MPAJ; Puan Azfalinda binti Mohamad Amin, Ketua Bahagian Integriti MPAJ; ahli majlis MPAJ; wakil unit integriti pihak berkuasa tempatan (PBT) Selangor; serta ketua jabatan dalaman MPAJ. Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MPAJ ini merupakan sebuah pelan strategi yang penting dalam melaksanakan dasar anti rasuah.



Committed to fighting corruption among its employees, MPAJ has organized the Organizational Anti-Corruption Management Plan Launch Ceremony on 21 July 2022. The ceremony was officiated by Tuan PKPJ Ridzuan bin Malik, Senior Assistant Commissioner, Malaysian Anti-Corruption Commission (MACC), Selangor State. The ceremony attended by nearly 400 MPAJ employees was also joined by Puan Julaihah binti Jamaluddin, MPAJ Secretary; Puan Azfalinda binti Mohamad Amin, Head of MPAJ's Integrity Division; MPAJ's councillors; integrity units from all local councils in Selangor; as well as the head of MPAJ's internal department. MPAJ's Organizational Anti-Corruption Plan (OACP) is an important strategic plan for implementing anti-corruption policies.



MPAJ DIKTIRAF 5 BINTANG DALAM SESI PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG - PIHAK BERKUASA TEMPATAN (SPB-PBT) TAHUN 2022.

MPAJ RECOGNIZED AS 5-STAR LOCAL AUTHORITY IN THE STAR RATING SYSTEM EVALUATION SESSION 2022.



Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah diiktiraf pihak berkuasa tempatan 5 bintang dengan markah melebihi 90% melalui proses penilaian yang telah diadakan pada 27 Julai 2022. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ telah menyambut kehadiran panel dan menyampaikan ucapan aluan. Turut serta dalam sesi penilaian ini adalah semua pengarah dan ketua bahagian MPAJ. Sesi pada kali ini dihadiri 6 orang panel yang dilantik oleh Bahagian Inspektorat, Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Sesi penilaian diketuai oleh YBrs Tuan Mohd Rozuwan bin Ab Llah, Ketua Penolong Setiausaha, Bahagian Kemampuan Bandar dan Persekitaran Hijau, KPKT. Beliau dibantu oleh Puan Mazisalwani binti Mahyuddin, Pegawai Perancang Bandar dan Desa, Bahagian Perancangan Fizikal, PlanMalaysia; Encik Mohamad Bukhari bin Che Man, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Pembangunan, JKT; Puan Fateen Afni binti Mohd Nor, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Landskap Negara; Puan Aida Fathirah binti Mohd Faridz, Penolong Pengarah, Bahagian Perunding Kejuruteraan Kesihatan Umum, JKT; dan Encik Mohammad Khatib @ Fazri bin Amran, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Inspektorat, JKT yang juga merangkap urusetia. Panel turut dibawa lawatan tapak ke Lorong Mampan (SDGs) MPAJ. Terima kasih kepada semua panel atas pelbagai cadangan dan ilmu pengetahuan yang telah dikongsikan dalam usaha memperkasakan perkhidmatan MPAJ.


MPAJ was recognized as a 5-star local authority with marks of more than 90% in the evaluation process held on 27 July 2022. Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President welcomed all panels as they arrived at Menara MPAJ and delivered a welcome speech. Participated in this evaluation session were all directors and head divisions of MPAJ. It was attended by 6 panellists appointed by the Inspectorate Division, Local Government Department, and Ministry of Housing & Local Government (KPKT).

The evaluation session was led by YBrs Tuan Mohd Rozuwan bin Ab Llah, Chief Assistant Secretary, Urban Sustainability & Green Environment Division, KPKT. He was assisted by Puan Mazisalwani binti Mahyuddin, Town & Urban Planner Officer, Physical Planning Division, PlanMalaysia; Encik Mohamad Bukhari bin Che Man, Chief Assistant Director, Development Division of JKT; Puan Fateen Afni binti Mohd Nor, PEncik Senior Director, National Landscape Department; Puan Aida Fathirah binti Mohd Faridz, Assistant Director, Public Health Engineering Consulting Division, JKT; and Encik Mohammad Khatib @ Fazri bin Amran, Chief Assistant Director, Inspectorate Division, JKT cum secretariat. They were also brought for a site visit at MPAJ's SDGs Backlane project. Our highest appreciation to all panels for all the knowledge shared.




MPAJ SERTAI OPERASI BERSEPADU (OPERASI BANTERAS) BERSAMA PDRM, PEJABAT KESIHATAN DAERAH HULU LANGAT, PEJABAT AGAMA DAERAH HULU LANGAT DAN TV3.

Cakna dengan gejala maknyah di kawasan pentadbirannya, Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) telah menyertai Operasi Bersepadu (Operasi Banteras) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Balai Polis Pandan Indah; Pejabat Kesihatan Daerah Hulu Langat; Pejabat Agama Islam Daerah Hulu Langat (PAIDHL) dan pihak TV3 pada 6 Ogos 2022. Operasi banteras telah tamat sekitar pukul 1.30 pagi. Tindakan penguatkuasaan disasarkan kepada maknyah di Jalan Pandan 1/23 dan 1/23B. Hasil operasi mendapati 4 daripada 5 unit rumah kediaman yang diperiksa telah membuat ubahsuai tanpa kebenaran pihak MPAJ. Tindakan membuka struktur ubahsuai dijalankan serta-merta mengikut Seksyen 79, Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133). PAIDHL turut menggunakan Seksyen 30, Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 iaitu kesalahan di bawah lelaki berlagak seperti perempuan.



MPAJ PARTICIPATED IN THE INTEGRATED OPERATION (OPERASI BANTERAS) TOGETHER WITH PDRM, HULU LANGAT DISTRICT HEALTH OFFICE, HULU LANGAT DISTRICT ISLAMIC OFFICE AND TV3.



Being alert to femboy problems in its administration area, MPAJ participated in the Integrated Operation ('Operasi Banteras') together with the Royal Malaysian Police (PDRM), Pandan Indah Police Station; Hulu Langat District Health Office; Hulu Langat District Islamic Office (PAIDHL) and TV3 on 6 August 2022. The Prevention Operation ended at 1.30 a.m. Enforcement action was aimed at femboy at Jalan Pandan 1/23 and 1/23B. 4 out of 5 residential units that were inspected made illegal renovations without permission from MPAJ. The action of opening the modified structure is carried out immediately in accordance with Section 79, Roads, Drains and Buildings Act 1974 (Act 133). PAIDHL also uses Section 30, Syariah Criminal Enactment (Selangor) 1995 which is an offense under men acting like women.



Majlis Makan Malam dan Penutup Kejohanan Sukan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPAJ Tahun 2022.

FORMAL DINNER AND CLOSING CEREMONY OF THE MPAJ'S RESIDENT COMMITTEE (JKP) SPORTS CHAMPIONSHIP 2022.



Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim telah merasmikan Majlis Makan Malam dan Penutup Kejohanan Sukan Jawatankuasa Penduduk (JKP) pada 5 Ogos 2022. Majlis yang dianjurkan di Galeri Aras 4, Menara MPAJ telah berlangsung meriah dengan kehadiran Puan Julaihah binti Jamaludin, Setiausaha Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ); pengarah jabatan dan ketua bahagian; barisan ahli majlis yang juga merupakan pengerusi kepada 24 Jawatankuasa Penduduk (JKP) di kawasan MPAJ; dan pemain-pemain bagi sukan yang dipertandingkan. Kejohanan Sukan JKP 2022 mempertandingkan sebanyak 14 acara sukan bagi 17 kategori yang mana setiap JKP MPAJ berpeluang menjadi urus setia secara bergilir. Antara sukan yang dipertandingkan adalah bola sepak, bola jaring, karom, dam aji dan sebagainya.

Kejohanan ini diadakan bukanlah semata-mata mencari kemenangan dan kejuaraan, namun ianya dilihat sebagai wadah memupuk semangat kerja berpasukan selain mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara warga Ampang Jaya dengan MPAJ.

Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim officiated the Formal Dinner and Closing Ceremony of the Residents Committee Sports Tournament (JKP) on 5 August 2022. The ceremony that was held at Gallery, Menara MPAJ was attended by Puan Julaihah binti Jamaludin, MPAJ's Secretary; department's director & head of division; councillors who are also chairman of 24 JKPs in MPAJ area; and the players for the contested sports. The Resident Committee Sports Tournament (JKP) 2022 competes in 14 sports events for 17 categories where each JKP has the opportunity to be the secretary on a rotation basis. Among the sports were football, netball, carom and many more.

This tournament is held not only to seek victory and championship, but it is seen as a steppingstone to foster the spirit of teamwork in addition to strengthening the relationship between MPAJ and its residents.



Johan Keseluruhan / Overall Champion : JKP Zon 14
 Naib Johan Keseluruhan / Overall 2nd place : JKP Zon 1
 Tempat Ketiga Keseluruhan / Overall 3rd place : JKP Zon 4
 Olahragawan Terbaik / Best Man Athlete : Encik Shaza Badri bin Azhar (JKP Zon 18)
 Olahragawati Terbaik / Best Woman Athlete : Puan Normanisah binti Umar (JKP Zon 14)
 Ahli Majlis Terbaik / Best Councillor : Tuan Mohamed Radziff bin Hasan (JKP Zon 1)
 Pelaksana Terbaik / Best Coordinator : JKP Zon 21, 22 & 24 (Bersama)
 Pakaian Sukan Terbaik / Best Sportswear : JKP Zon 1
 Pengurus Terbaik / Best Manager : Tuan Moganraj a/l Renganathan (JKP Zon 21)
 Pasukan 'Fairplay' / Fairplay Team : JKP Zon 21
 Johan Acara Badminton / Badminton Champion : JKP Zon 19
 Johan Acara Pentanque / Pentanque Champion : JKP Zon 14
 Johan Acara Bola Jaring / Netball Champion : JKP Zon 1
 Johan Acara Sepak Takraw / Sepak Takraw Champion : Jkp Zon 23
 Johan Acara Tarik Tali / Tug of War Champion : JKP Zon 10
 Johan Acara Bola Sepak (bawah 12 Tahun) / Football Champion (under 12 year old) : JKP Zon 4
 Johan Acara Bola Sepak (bawah 15 Tahun) / Football Champion (under 15 year old)
 : JKP Zon 5
 Johan Acara Bola Sepak Terbuka / Open Football Champion : JKP Zon 18
 Johan Acara Bola Sepak Veteran / Veteran Football Champion : JKP Zon 18
 Johan Acara Bola Keranjang / Basketball Champion : JKP Zon 8
 Johan Acara Futsal (Wanita) / Futsal (Women) Champion: JKP Zon 14
 Johan Acara Futsal (Lelaki) / Futsal (Men) Champion : JKP Zon 19
 Johan Acara Ping Pong / Pingpong Champion : JKP Zon 3
 Johan Acara Dart / Dart Champion : JKP Zon 14
 Johan Acara Dam Aji / Dam Aji Champion : JKP Zon 14
 Johan Acara Karom / Carom Champion : JKP Zon 13



300 ORANG SERTAI PROGRAM LIBAT URUS BELANJAWAN MPAJ TAHUN 2023.

300 PEOPLE PARTICIPATED IN THE 2023 BUDGET TOWN HALL MEETING.

Bagi memastikan belanjawan tahun 2023 yang dibangunkan menepati keperluan pelanggan dan penduduk setempat, sesi libat urus belanjawan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) Tahun 2023 telah dianjurkan pada 12 Ogos 2022. Program yang mendapat sambutan baik daripada pelanggan dan penduduk setempat menyaksikan kehadiran seramai 300 orang dengan pelbagai cadangan dan buah fikiran. Ianya dipengerusikan oleh Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ. Hadir sama Pn Julaihah binti Jamaludin, Setiausaha MPAJ, barisan pengarah, pegawai dan kakitangan MPAJ. Terima kasih kepada semua warga Ampang Jaya yang hadir dan memberi cadangan serta usul bagi belanjawan 2023. Antara objektif utama pelaksanaan libat urus ini adalah menyahut seruan kerajaan Negeri Selangor yang mahukan penglibatan rakyat dalam menjayakan pembangunan kawasan pentadbiran MPAJ dengan mengambil kira pandangan dan cadangan daripada rakyat setempat. Harapan Yang Dipertua MPAJ kepada semua jabatan dalam MPAJ adalah memastikan perancangan yang rapi dapat dibuat agar hasilnya dapat dirasakan segenap lapisan rakyat.



To ensure that the 2023 budget meets the needs of customers and local residents, an engagement session on MPAJ'S 2023 budget was organized on 12 August 2022. 300 people attended the program which received good feedback from customers and local residents with various suggestions and ideas. It was chaired by Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, President of MPAJ. Also present were Pn Julaihah binti Jamaludin, Secretary of MPAJ, internal directors, officers & staff of MPAJ. Our appreciation to all citizens of Ampang Jaya who attended and gave suggestions and proposals for the 2023 budget. One of the main objectives of this engagement is to be in line with the Selangor State Government which wants the involvement of the people in the development process of MPAJ by taking into account the views and suggestions of the local people. MPAJ's President hopes that all internal departments made detailed planning so that the results can be felt by all levels of the people.



79 KAKITANGAN MPAJ TERIMA ANUGERAH JUARA PRODUKTIVITI KEBANGSAAN 2022 DARIPADA PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC).



Pada 13 Ogos 2022 telah berlangsung Majlis Pelancaran 'Academy in Factory' bersempena Karnival Belia Produktif "Bersama Membangunkan Negara" di Taman Melawati. Dalam majlis yang sama, Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah mengiktiraf 79 orang warga kerja MPAJ yang aktif dalam pelaksanaan inisiatif peningkatan produktiviti dalam organisasi. Puan Julaihah binti Jamaludin, Setiausaha MPAJ telah mewakili semua penerima MPAJ bagi penyampaian anugerah ini. Anugerah telah disampaikan oleh YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Menteri Kanan dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Tahniat kepada kumpulan inovasi COB (Bah. Pesuruhjaya Bangunan); Smart PSP (Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam); Archy (Jabatan Bangunan & Senibina); Cyberwave (Jabatan Perancangan Korporat); Lex Legis (Jabatan Undang-undang); D'ezy License Team (Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan); Hotspot Crew (Jabatan Kesihatan & Alam Sekitar); FPS (Jabatan Kejuruteraan); dan Symbiosis (Jabatan Perancang Bandar).

79 MPAJ's EMPLOYEES RECEIVED PRODUCTIVITY CHAMPION 2022 RECOGNITION FROM MALAYSIAN PRODUCTIVITY CORPORATION (MPC).

The Academy in Factory Launching Ceremony took place on 13 August 2022 in conjunction with the Productive Youth Carnival themed "Together Develop the Nation" at Taman Melawati. In the same ceremony, MPC recognized 79 MPAJ employees who are active in the implementation of productivity improvement initiatives in the organization. Puan Julaihah binti Jamaludin, MPAJ's Secretary represented all MPAJ recipients for the presentation of this award. The award was presented by YB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, Senior Minister & Minister of International Trade & Industry (MITI). Congratulations to the innovation group of COB (Commissioner of Building Division), Smart PSP (Solid Waste Management & Public Cleaning Department), Archy (Buildings & Architecture Department), Cyberwave (Corporate Planning), Lex Legis (Legal Department), D'ezy License Team (Licensing & Entrepreneur Development Department), Hotspot Crew (Health & Environment Department), FPS (Engineering Department) and Symbiosis (Town Planning Department).





PERMATANG KUARZA SEBAGAI SALAH SATU CADANGAN GEO TAPAK DALAM SESI PENILAIAN GOMBAK – HULU LANGAT (GHL) GEOPARK.

QUARTZ RIDGE AS ONE OF GEOSITE FOR THE GOMBAK - HULU LANGAT (GHL) GEOPARK ASSESSMENT.

Geopark merujuk kepada sesuatu kawasan yang terdapat tapak warisan geologi yang boleh digunakan oleh semua pihak bagi tujuan pemeliharaan, pendidikan dan pembangunan secara lestari / mampan. Adalah penting bagi sesebuah geopark mempunyai unsur-unsur ekologi, arkeologi, sejarah dan budaya. Kehidupan di dalam sesebuah masyarakat tidak boleh dipisahkan dengan alam semulajadi, budaya dan sejarah sosialnya. Hubungan di antara kehidupan, kepelbagaian geologi dan biologi serta budaya, merupakan komponen penting bagi setiap Geopark. Pada 15 hingga 18 Ogos 2022, telah berlangsung sesi penilaian Gombak – Hulu Langat (GHL) Geopark. Inisiatif ini adalah merupakan usaha Kerajaan Negeri Selangor sejak tahun 2019. Ia merupakan langkah permulaan yang signifikan sebelum dicalonkan sebagai UNESCO Global Geopark pada tahun sasaran 2025.

Geopark is referred to as an area where there is a geological heritage site that can be used by all parties for the purpose of preservation, education and sustainable development. It is important for a geopark to have elements of ecology, archaeology, history and culture. Life in a society cannot be separated from nature, culture and social history. The relationship between life, geological and biological diversity and culture, is an important component of every Geopark. From 15 until 18 August 2022, the Gombak – Hulu Langat (GHL) Geopark evaluation session took place. This initiative is an effort of by Selangor State Government since 2019. It is a significant initial step before being nominated as a UNESCO Global Geopark in the target year of 2025.



YB Tuan Hee Loy Sian, Exco Pelancongan Negeri Selangor merangkap Pengerusi Majlis Penasihat GHL Geopark telah sama-sama hadir dalam sesi penilaian dan jamuan makan malam. Turut serta ialah Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, Yang Dipertua MPAJ; Puan Julaihah binti Jamaludin, Setiausaha MPAJ; pengarah dan pegawai MPAJ. Ucapan penghargaan buat barisan panel, pemerhati dan wakil geopark kebangsaan yang hadir iaitu Profesor Madya Dr. Kamal Roslan bin Mohamed, Felo Penyelidik, Pusat Penyelidikan Langkawi; Tuan Ludi bin Apin, Timbalan Pengarah, Lembaga Pemegang Amanah Taman-Taman Sabah; Puan Ain Maisyarah binti Yazrol, Pegawai Tadbir (Geopark), Perbadanan Taman Negeri Perak; dan Dato' Dr. Mokhtar bin Saidin, Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana Geopark Kebangsaan di atas perkongsian dan tunjuk ajar ke arah geopark kebangsaan dan antarabangsa.

YB Tuan Hee Loy Sian, Selangor State Tourism Exco and the Chairman of the GHL Geopark Advisory Council were present in the evaluation session and dinner. Also present were Tuan Mohd Fauzi bin Mohd Yatim, MPAJ's President; Puan Julaihah binti Jamaludin, MPAJ's Secretary; MPAJ's directors and officers. Appreciation goes to the panellists, observers and representatives of the national geopark who were present, namely Associate Professor Dr. Kamal Roslan bin Mohamed, Research Fellow, Langkawi Research Centre; Tuan Ludi bin Apin, Deputy Director, Sabah's Park Board of Trustees; Puan Ain Maisyarah binti Yazrol, Administrative Officer (Geopark), Perak State Park Corporation; and Dato' Dr. Mokhtar bin Saidin, Chairman of the National Geopark Executive Committee on sharing and guidance towards national and international geoparks.



Terdapat satu Geotapak yang terletak dalam kawasan pentadbiran MPAJ iaitu Permatang Kuarza yang melibatkan beberapa lokasi lawatan tapak iaitu panel informasi Geotapak G23_PKGS; Empangan Klang Gate; GeoKomuniti iaitu tapak bazar Taman Melawati; GeoSekolah iaitu S.K. Taman Melawati 2; dan Rakan Geopark iaitu Zoo Negara.

One of the geosites is located in the MPAJ area that is Quarts Ridge which involved a few site visits in our area that were Geosite information panel G23_PKGS; Klang Gate dam; Taman Melawati bazaar site GeoCommunity; S.K. Taman Melawati 2 GeoSchool; and Friends of Geopark which is the National Zoo.

HARI TANPA KENDERAAN BULAN OGOS 2022.

AUGUST 2022'S CAR FREE DAY PROGRAM

Various interesting activities were held on 14 August 2022 in conjunction with August 2022's Car Free Day such as the handing over of prizes for the Best Landscape Competition; cooking competition; handing over of prizes and meet & greet session between MPAJ's top management with the assessment bill lucky draw winners; colouring competition; leisure walk 3km; football competition under 10 & 12 years old; and archery competition.

There were also exhibitions related to payment counters, compound checking counter, residential building legal extension campaign, environmental conservation with Dropee, Ampang Pantai Hospital, recycling & KDEB, Geopark, assessment tax, HIV/AIDS screening, SSPN, Celcom and many more. The ceremony was also enlivened with a martial arts flash mob from Cikgu Halim's Club, a Muda Mudi keroncong performance from SK Taman Muda, a patriotic song performance and a donation to the National Zoo. MPAJ's Car Free Day was also made more lively with a petting zoo, Selangor agro market sale, community garden sale, barber corner and busking performance.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan pada 14 Ogos 2022 bersempena Hari Tanpa Kenderaan bulan Ogos 2022 seperti penyampaian hadiah Pertandingan Landskap Terbaik; pertandingan memasak; penyampaian hadiah dan sesi ramah mesra pengurusan tertinggi MPAJ bersama pemenang cabutan bertuah cukai taksiran; pertandingan mewarna; jalan santai 3km; pertandingan bola sepak bawah 10 & 12 tahun; serta pertandingan memanah. Turut diadakan pameran seperti kaunter bayaran dan semakan kompaun, kempen pemutihan bangunan kediaman, pemuliharaan alam sekitar bersama 'Dropee', Hospital Pantai Ampang, kitar semula & KDEB, Geopark, cukai taksiran, pemeriksaan HIV/AIDS, SSPN, Celcom dan sebagainya. Majlis turut diserikan dengan persembahan silat daripada Kelab Cikgu Halim, persembahan keroncong Muda Mudi daripada SK Taman Muda, nyanyian lagu kemerdekaan dan serahan sumbangan kepada Zoo Negara. Hari Tanpa Kenderaan turut dimeriahkan lagi dengan adanya mini zoo haiwan jinak, jualan Selangor Agro Market, jualan Hasil Kebun Komuniti, kemudahan gunting rambut dan persembahan penghibur jalanan.



#Lawatan

LAWATAN PENANDAARASAN DARIPADA PERBADANAN PUTRAJAYA.

BENCHMARKING VISIT BY PUTRAJAYA CORPORATION.

MPAJ telah menerima kunjungan daripada Seksyen Pesuruhjaya Bangunan (COB), Bahagian Penilaian & Pesuruhjaya Bangunan di Perbadanan Putrajaya pada 19 Mei 2022. Delegasi diketuai oleh Sr. Siti Azzah binti Abdul Razak, Pengarah Penilaian & Pesuruhjaya Bangunan Perbadanan Putrajaya bersama 10 orang pegawai beliau. Sr. Rosizhar bin Abdul Rahim, Ketua Bahagian Pesuruhjaya Bangunan MPAJ telah berkongsi pelaksanaan dan pengurusan bangunan berstrata di Ampang Jaya untuk ditandaaras oleh Perbadanan Putrajaya.

MPAJ received a visit from Commissioner of Building section (COB), Evaluation and Commissioner of Building Division of Putrajaya Corporation on 19 May 2022. The delegation was led by Sr. Siti Azzah binti Abdul Razak, Head of Evaluation and Commissioner of Building Division with her 10 officers. Sr. Rosizhar bin Abdul Rahim, MPAJ's Head Division of Commissioner of Building shared his experience and management of stratified building in Ampang Jaya to be benchmarked by Putrajaya Corporation.



LAWATAN PENANDAARASAN DARIPADA MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM.

BENCHMARKING VISIT BY SABAK BERNAM DISTRICT COUNCIL.

Pada 17 Jun 2022, Majlis Daerah Sabak Bernam telah mengadakan kunjungan mesra ke Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) bagi melihat perkongsian amalan terbaik prosedur dan tindakan penguatkuasaan kenderaan terbiar. Pembentangan telah disampaikan oleh Encik Addy Hissham bin Elias, Pengarah Jabatan Penguatkuasa MPAJ. Sesi perbincangan dua hala turut diadakan bagi berkongsi pengalaman dan kaedah terbaik pelaksanaan kerja.



Sabak Bernam District Council paid a visit to Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) on 17 June 2022 to benchmark our best practices in the procedure of handling derelict vehicles. The presentation was done by Encik Addy Hissham bin Elias, MPAJ's Director of Enforcement Department. A two-way discussion was also held to brainstorm the best practices for handling problems in enforcement.



PERHIMPUNAN

PENGANJUR/Host

Bahagian Perhubungan Awam dan Sekretariat serta Bahagian Ukur Bahan

TARIKH/Date

7 JUN 2022 / 7 JUNE 2022.

TEMA/Theme

Hari Pekerja / Labour Day.



PERHIMPUNAN



PENGANJUR/Host

JABATAN KEJURUTERAAN
ENGINEERING DEPARTMENT

TARIKH/Date

10 OGOS 2022 / 10 AUGUST 2022.

TEMA/Theme

Sambutan Hari Kebangsaan /
National Day Celebration.



LANGKAH-LANGKAH MEMBUAT MAKLUM BALAS MELALUI SISPAAB BAGI PELANGGAN (ADUAN, CADANGAN, PENGIARGAAN, PERMOHONAN DAN PERTANYAAN)


1 BUKA BROWSER DAN MASUKKAN URL  <https://mpaj.spab.gov.my>

2 TEKAN BUTANG **MAKLUM BALAS BAHARU**

3 ISI DAN DAFTARKAN ADUAN / MAKLUM BALAS MENGIKUT RUANGAN YANG DISEDIAKAN
*RUANGAN BERTANDA*WAJIB DIISI UNTUK SIMFANAN DAN REKOD



4 TEKAN BUTANG **LAMPIRAN** UNTUK MEMUAT NAIK DOKUMEN BUKTI ADUAN / MAKLUM BALAS
DOKUMEN PERLU BERFORMAT



SAIZ MAKSIMUM DOKUMEN YANG DIBENARKAN ADALAH 10MB


5 TEKAN BUTANG **HANTAR** SETELAH SELESAI MENGISI KESEMUA MAKLUMAT
ANDA AKAN MENERIMA **NOTIS TERIMA** BAGI MAKLUM BALAS SERTA **ID TIKET:(MPAJ.0001)**
MELALUI **EMEL** SETELAH MAKLUM BALAS BERJAYA DIHANTAR

CARA MENYEMAK STATUS MAKLUM BALAS BAGI PELANGGAN

1 LAYARI  <https://mpaj.spab.gov.my>

2 TEKAN BUTANG **SEMAK MAKLUM BALAS**

3 MASUKKAN ID TIKET, JENIS PENGENALAN, DAN NO. PENGENALAN. TEKAN SEMAK



1300-22-8100



www.mpaj.gov.my



Media Perundingan
Ampang Jaya Basmi



[mp_ampangjaya](https://www.instagram.com/mp_ampangjaya)



[MP Ampang Jaya](https://twitter.com/MP_Ampang_Jaya)



[MP Ampang
jaya channel](https://www.youtube.com/channel/UC...)